



TAKLIMAT KEPADA TD123 BERSAMA JABATAN PERIKANAN MENGENAI SISTEM ONEBIZ

KHAMIS 22 SEPTEMBER 2022, 08.30am

BILIK VIP, TINGKAT 1, BANGUNAN KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pengenalan

Bagi mengawal semua aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perikanan iaitu alat menangkap ikan, ladang ternakan ikan dan kilang pemprosesan ikan maka undang-undang yang ada bagi mengawal aktiviti tersebut adalah seperti berikut:-

- 1) PERINTAH PERIKANAN, 2009 (BAB 13) – BAGI LESEN ALAT MENANGKAP IKAN**
- 2) PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN. (LADANG TERNAKAN IKAN), 2002**
- 3) PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN. (KILANG PEMROSESAN IKAN), 2002**

Penggunaan Sistem OneBiz

Jabatan Perikanan mula menggunakan sistem OneBiz pada 15 Jun 2022 dan orang ramai bolehlah menggunakan sistem berkenaan untuk membuat permohonan bagi lesen-lesen perikanan tersebut:

- 1) Lesen Ladang Ternakan Ikan / Lesen Pemprosesan Ikan | *Fish Culture License / Fish Processing License*
- 2) Lesen Alat Menangkap Ikan | *Fishing Gear License*
 - I. Nelayan Kecil-Kecilan Persendirian | *Personal/Private*
 - II. Nelayan Kecil-Kecilan Bersyarikat | *Small-Scale Companies*
 - III. Nelayan Komersil | *Commercial*
- 3) Lesen Sukan Memancing | *Sport Fishing License*

Lesen Alat Menangkap Ikan

Fishing Gear License

- Terbahagi kepada 3 jenis lesen:
 1. Lesen Alat Menangkap Ikan Nelayan Kecil-Kecilan Persendirian
 2. Lesen Alat Menangkap Ikan Nelayan Kecil-Kecilan Bersyarikat
 3. Lesen Alat Menangkap Ikan Nelayan Kapal Komersil
- Bayaran yuran yang dikenakan mengikut jumlah alat-alat yang dipohonkan serta BND\$2.00 untuk mencetak Kad Nelayan.
- Lesen alat menangkap ikan sah digunakan sehingga **31 Disember** pada setiap tahun.
- Dokumen-dokumen yang diperlukan boleh merujuk kepada lampiran seterusnya.



Jenis-jenis Lesen Dan Dokumen Yang Diperlukan Untuk Dimuat Naik Ke Sistem OneBiz

LESEN ALAT MENANGKAP IKAN (PERSENDIRIAN)

- 1 keping gambar berukuran pasport
- Salinan Kad Pengenalan Pintar atau polis/tentera

Tambahan (jika ada SAHAJA)

- Jika ada Perahu :
 - Salinan buku pendaftaran perahu dikeluarkan dari MPABD; atau resit pembayaran
- Gambar penuh perahu serta no. Pendaftaran perahu disertakan;
- Jika nelayan sepenuh masa, Borang pengesahan tidak bekerja diperlukan dari ketua kampung atau Salinan surat bersara dari Jabatan asal;

LESEN ALAT MENANGKAP IKAN (MENGUNAKAN KAPAL)

- Lesen alat menangkap ikan yang dikeluarkan sebelum ini
- Salinan Kad Pengenalan Pintar bagi pekerja tempatan
- Salinan Pasport pekerja asing
- Salinan kuota Pekerja dari Pejabat Buruh

LESEN ALAT MENANGKAP IKAN (BERSYARIKAT)

- Lesen alat menangkap ikan yang dikeluarkan
- Salinan Kad Pengenalan Pintar bagi pekerja tempatan
- Salinan Pasport pekerja asing
- Salinan kuota Pekerja dari Pejabat Buruh

Tambahan jika bagi pemohon baru atau memohon tambahan perahu

- Salinan buku pendaftaran Perahu dikeluarkan dari MPABD (terkini)
- Gambar penuh perahu dengan no. pendaftaran perahu.

LESEN LADANG TERNAKAN IKAN

- Memuat naik lesen ladang ternakan ikan dari tahun sebelumnya;

LESEN MEMPROSES IKAN

- Memuat naik lesen memproses ikan dari tahun sebelumnya;

Lesen Sukan Memancing

Sport Fishing License

- Dibukakan kepada semua orang ramai termasuk orang asing (menggunakan Kad Pengenalan Hijau ataupun Pasport dan **mesti dimuatnaik dengan permohonan**)
- Hanya sah untuk 3 hari mengikut tarikh permohonan.
- Bayaran yuran yang dikenakan adalah **BND\$3.00** untuk setiap permohonan lesen.
- TPOR adalah satu hari bekerja.

**SOALAN-SOALAN LAZIM
MENGENAI LESEN-LESEN PERIKANAN**

***FREQUENTLY ASKED QUESTIONS
REGARDING FISHERIES LICENSES***

1. Apakah jenis-jenis alat menangkap ikan yang dibenarkan di negara ini?

- Jenis-jenis alat menangkap ikan yang dibenarkan untuk digunakan oleh orang ramai adalah seperti **Andang, Andang Jarang, Ancau, Pukat Duai/Panau, Paguyut, Pukat Kikis, Rambat, Pukat Kembura, Pukat Kuasi, Rantau, Sadak/Tanggok, Bubu, Jaul (tali & mata kail), Joran (pancing), Rawai, Kabat, Tugu, Kilong, Lintau dan Selambau.**
- Di bawah Bab 13 (1) Perintah Perikanan, 2009 orang ramai yang hendak menangkap ikan di perairan Negara Brunei Darussalam, hendaklah mendapatkan lesen alat menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan.

2. Apakah jenis-jenis peralatan yang ditegah digunakan bagi menangkap ikan ?

- Peralatan yang ditegah untuk digunakan bagi menangkap ikan adalah seperti menggunakan **bahan letupan**, menggunakan **peranti elektrik (*electric fishing*)**, **senapang tempuling (*spear gun*)**, **bahan kimia**, **racun** dan **alat selam**.
- Kerana penggunaan peralatan tersebut boleh mengakibatkan kerosakan dan pencemaran kepada ekosistem perairan seperti takat-takat dan lain-lain hidupan dalam air. Sementara alat senapang tempuling adalah merbahaya kepada pengguna dan orang sekelilingnya. Penggunaan alat selam ditegah bagi menghindarkan kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada penggunaan alat-alat yang ditegah di atas.

3. Apakah jenis lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan?

- Terdapat lima (5) jenis lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan seperti :
 - Lesen Import, Eksport dan Transit Ikan [sebagaimana di bawah Bab 3(a) Peraturan-Peraturan Perikanan, Perintah Perikanan, 2009];
 - **Lesen Alat Menangkap Ikan [sebagaimana di bawah Bab 13(1), Perintah Perikanan, 2009];**
 - **Lesen Pemprosesan Ikan [sebagaimana di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemprosesan Ikan), 2002 di bawah Perintah Perikanan, 2009];**
 - **Lesen Ladang Ternakan Ikan (Sangkar Ikan, Kolam dan Tangki) [sebagaimana di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Ladang Ternakan Ikan), 2002 di bawah Perintah Perikanan, 2009];**
 - Lesen Mengadakan atau Menganjurkan Acara atau Kejohanan **Penangkapan Ikan Rekreasi (Sport Fishing)** di Perairan Negara Brunei Darussalam [sebagaimana di bawah Bab 23, Perintah Perikanan, 2009].

4. Adakah perlu lesen alat menangkap ikan dari Jabatan Perikanan untuk menangkap ikan dari darat seperti di sepanjang tebing sungai atau di sepanjang pantai menggunakan mata kail dan tali atau pancing ?

- Pada masa ini **orang ramai yang menangkap ikan dari darat** seperti di sepanjang tebing sungai atau di sepanjang pantai menggunakan mata kail dan tali atau pancing **tidak perlu** dlesenkan.
- Walaubagaimanapun, lesen alat menangkap ikan menggunakan alat pancing **hanya diperlukan** bagi para nelayan dan orang ramai yang memancing ikan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam **menggunakan perahu/kayak sahaja**, sama ada milik sendiri, kepunyaan saudara mara atau kawan atau yang disewa. Kadar bayaran lesen yang dikenakan bagi alat pancing **adalah \$3 bagi setiap 12 mata kail dan kadar bayaran bagi kad nelayan ialah \$2.**

5. Adakah perlu mempunyai lesen untuk menganjurkan pertandingan memancing ikan ?

- Untuk menganjurkan pertandingan memancing ikan hendaklah mendapatkan lesen terlebih dahulu dengan bayaran **sebanyak \$50.00 bagi setiap acara atau pertandingan.**

6. Bolehkah orang ramai yang ada lesen alat menangkap ikan memancing di kawasan sangkar ikan?

- Mana-mana kawasan sangkar ikan adalah **tidak dibenarkan untuk memancing.**

7. Apakah tindakan bagi orang ramai yang didapati menangkap ikan dan tidak mempunyai lesen alat menangkap ikan?

- Kesalahan boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$1,000 di bawah Bab 37(1) Perintah Perikanan, 2009 atau boleh dihadapkan dan dibicarakan di mahkamah serta jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali di bawah Bab 39(1) Perintah Perikanan, 2009.

8. Adakah perlu dilesenkan:

8.1 Perahu dan kapal yang digunakan untuk menangkap ikan?

Pendaftaran perahu dan kapal adalah di bawah kawalan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

8.2 Kayak yang digunakan untuk menangkap ikan?

Mengikut Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), kayak tidak perlu dilesenkan kerana tidak menggunakan injin. Walau bagaimanapun, alat menangkap ikan yang digunakan hendaklah dilesenkan

8.3 Aktiviti menternak ikan dalam sangkar?

Aktiviti ternakan ikan dalam sangkar hendaklah mempunyai lesen ladang ternakan ikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan sebagaimana di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Ladang Ternakan Ikan), 2002 di bawah Perintah Perikanan, 2009.

9. Mengapa Lesen Alat Menangkap Ikan diperlukan?

Tujuan Alat Menangkap Ikan dilesenkan adalah bagi:

- i. memastikan kelestarian sumber-sumber perikanan dengan pengawalan penggunaan peralatan menangkap ikan bagi perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar marin dan memastikan sumber ikan terjamin dan dinikmati oleh generasi yang akan datang;
- ii. mengawal aktiviti penangkapan ikan termasuk penggunaan alat menangkap ikan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam;
- iii. memastikan tiada aktiviti menangkap ikan yang tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) Fishing);
- iv. memastikan setiap pemegang lesen mematuhi peraturan dan perundangan yang dikuatkuasakan melalui pematuhan syarat-syarat lesen alat menangkap ikan yang dikenakan; dan
- v. mengumpul maklumat statistik dari segi jumlah nelayan (penuh masa, sambilan dan bersyarikat), jumlah alat menangkap ikan yang digunakan, data hasil tangkapan ikan dan sebagainya.

10. Dimanakah kawasan-kawasan yang ditegah untuk menangkap ikan?

- a. Di luar kawasan perairan Negara Brunei Darussalam;
- b. Kawasan Rizab Laut dan Taman Laut (Marine Reserve and Marine Park);
- c. Kawasan lingkungan 500 meter dari sangkar ternakan ikan luar pantai;
- d. Kawasan lingkungan 30 meter dari sangkar ternakan ikan persisiran pantai; dan
- e. Di zon-zon keselamatan pelantar minyak dalam lingkungan 500 meter dari binaan-binaan dan pemasangan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988, dan kawasan zon-zon keselamatan yang telah diisytiharkan.

11. Apakah jenis-jenis spesies yang ditegah untuk ditangkap ?

- a. Udang Bakara yang bertelur;
- b. Udang Bakara yang panjang kepala (carapace) bersaiz kurang daripada 7.5cm;
- c. Udang Galah yang bertelur;
- d. Semua spesies Ikan Yu;
- e. Ikan Lumba-lumba (*Dolphin*);
- f. Ketam yang bertelur;
- g. Dugong; dan
- h. Penyu.

12. Bolehkah orang bukan warganegara tempatan atau warga asing memohon lesen alat menangkap ikan?

Lesen Alat Menangkap Ikan yang sah untuk satu tahun hanya dibukakan untuk warganegara tempatan yang mempunyai Kad Pengenalan Kuning ataupun Ungu sahaja.

Walaupun bagaimanapun pemohon yang memegang Kad Pengenalan berwarna Hijau ataupun warganegara asing bolehlah memohon untuk Lesen Sukan Memancing (Sport Fishing License) melalui sistem OneBiz jika berhasrat untuk memancing di perairan Negara Brunei Darussalam.

Setiap permohonan dikenakan bayaran BND\$3.00 dan hanya sah untuk 3 hari.

13. Perlukah penumpang atau orang persendirian yang tidak ada perahu ingin beroperasi menangkap ikan dengan cara menyewa perahu perlu dilesenkan bagi alat menangkap ikan ?

Mana-mana orang persendirian berkeinginan untuk beroperasi menangkap ikan dengan cara menumpang / menyewa perahu atau menumpang perahu yang pemandunya mempunyai lesen alat menangkap ikan maka **perlu mendapatkan lesen.**

14. Adakah Nelayan Sambilan boleh memasukkan pembantu dalam permohonan lesen alat menangkap ikan ?

Bagi Nelayan berstatus **SAMBILAN** tidak dibolehkan mempunyai pembantu semasa mengisi borang permohonan lesen alat menangkap ikan.

15. Apakah alat-alat menangkap ikan yang dibukakan untuk dilesenkan kepada pemohon-pemohon baru ?

Alat menangkap ikan yang dibukakan untuk dilesenkan bagi pemohon baru adalah seperti berikut: **Jaul, Rawai, Bubu dan Rantau sahaja.**

16. Bolehkah nelayan yang ada lesen alat menangkap ikan beroperasi di Kawasan Ladang Ternakan Ikan seperti sangkar ikan milik syarikat ?

Mana-mana kawasan ladang ternakan ikan seperti sangkar ikan adalah TIDAK DIBENARKAN untuk beroperasi menangkap ikan.

17. Apakah tindakan yang boleh dikenakan kepada nelayan atau orang ramai yang didapati menangkap ikan tanpa mempunyai lesen alat menangkap ikan yang sah ?

Di bawah Perintah Perikanan, 2009 dan Peraturan-Peraturan Perikanan bahawa beroperasi menangkap ikan tanpa mempunyai lesen alat menangkap ikan yang sah adalah merupakan suatu kesalahan yang mana boleh dikenakan denda kompaun sehingga \$1,000 atau jika dihadapkan dan dibicarakan di mahkamah serta sabit kesalahan boleh dikenakan denda sehingga \$10,000 atau dihukum penjara sehingga satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

19. Apakah kadar bayaran yuran bagi alat menangkap ikan yang dikenakan keatas Nelayan Komersial, Nelayan Kecil-kecilan Persendirian dan Nelayan Kecil-kecilan Bersyarikat?

Kadar Bayaran Lesen Yang Dikeluarkan Adalah Seperti Berikut:

- A. Lesen Alat-alat Menangkap Ikan Nelayan Komersial**
- B. Lesen Alat-alat Menangkap Ikan Nelayan Kecil-kecilan Persendirian**
- C. Lesen Alat-alat Menangkap Ikan Nelayan Kecil-kecilan Bersyarikat**

A. LESEN ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN NELAYAN KOMERSIAL

BIL	JENIS ALAT MENANGKAP IKAN	ZON 2				ZON 3				ZON 4			
		MINIMUM	BAYARAN	MAXIMUM	BAYARAN	MINIMUM	BAYARAN	MAXIMUM	BAYARAN	MINIMUM	BAYARAN	MAXIMUM	BAYARAN
1.	PUKAT TUNDA	1 SET	\$200.00	1 SET	\$200.00	1 SET	\$200.00	1 SET	\$200.00	-	-	-	-
2.	PUKAT LENGKONG	1 SET (panjang tidak melebihi 400m)	\$150.00	1 SET (panjang tidak melebihi 400m)	\$150.00	1 SET (panjang tidak melebihi 600m)	\$150.00	1 SET (panjang tidak melebihi 600m)	\$150.00	-	-	-	-
3.	PUKAT LENGKONG TUNA	-	-	-	-	-	-	-	-	1 set (panjang tidak melebihi 800m)	\$150.00	1 set (panjang tidak melebihi 800m)	\$150.00
4.	RAWAI TUNA	-	-	-	-	-	-	-	-	*600 mata kail (tidak melebihi 30 km)	\$150.00	*800 mata kail (tidak melebihi 30 km)	\$200.00
5.	RAWAI	*1,000 mata kail (tidak lebih 2 km)	\$250.00	*1,249 Mata kail (tidak lebih 2 km)	\$312.25	*1,250 mata kail (tidak lebih 4 km)	\$312.50	*2,000 mata kail (tidak lebih 4 km)	\$500.00	-	-	-	-
6.	PANCING TUNA	-	-	-	-	*200 mata kail	\$50.00	*200 mata kail	\$50.00	-	-	-	-
7.	PANCING	12 mata kail @25 sen	\$3.00	-	-	12 mata kail @25 sen	\$3.00	-	-	12 mata kail @25 sen	\$3.00	-	-
8.	BUBU	*40 biji	\$16.00	*60 biji	\$24.00	*40 biji	\$16.00	*80 biji	\$32.00	-	-	-	-
9.	LUKONG	-	-	-	-	1 set	\$30.00	1 set	\$30.00	-	-	-	-

note

*1 mata kail kadar harga bayaran lesen \$0.25

* 1 biji bubu kadar bayaran lesen \$0.40

B. LESEN ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN NELAYAN KECIL-KECILAN PERSENDIRIAN

BIL	JENIS ALAT MENANGKAP IKAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN
1	ANDANG	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
2	PUKAT JARANG	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
3	PUKAT KIKIS/PUKAT AMBIT	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
4	PUKAT KUASI	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
5	PUKAT KEMBURA	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
6	RANTAU	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00

BIL	JENIS ALAT	KUANTITI	BAYARAN
7.	ANCAU	1 SET	\$4.00
8.	PANAU/PUKAT DUAI	1 SET	\$4.00
9.	PENGUYUT	1 SET	\$4.00
10.	RAMBAT	1 SET	\$1.00
11.	SELAMBAU	1 SET	\$4.00
12.	BUBU	1 BIJI = 0.40 SEN MINIMUM 10 BIJI	\$4.00
13	KABAT	1 SET	\$4.00
14.	TABEH	1 SET	\$4.00
15.	KILONG	1 TAHANAN	\$8.00
16.	LINTAU	1 TAHANAN	\$4.00
17.	TUGU	1 MATA TAHANAN	\$4.00
18.	JAUL	1 MATA KAIL = 0.25 SEN MINIMUM 12 MATA	\$3.00
19	RAWAI	1 MATA KAIL 0.25 SEN MINIMUM 50 MATA	\$12.50

C. LESEN ALAT-ALAT MENANGKAP IKAN NELAYAN KECIL-KECILAN BERSYARIKAT

BIL	JENIS ALAT MENANGKAP IKAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN	PANJANG(M)	BAYARAN
1	ANDANG	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
2	PUKAT JARANG	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
3	PUKAT KIKIS/PUKAT AMBIT (ZON 1)	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
4	PUKAT KUASI	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
5	PUKAT KEMBURA	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00
6	RANTAU	366M	\$8.00	549M	\$12.00	732M	\$16.00	914M	\$20.00

BIL	JENIS ALAT	KUANTITI	BAYARAN
7.	ANCAU	1 SET	\$4.00
8.	PANAU/PUKAT DUAI	1 SET	\$4.00
9.	PENGUYUT	1 SET	\$4.00
10.	RAMBAT	1 SET	\$1.00
12.	BUBU	1 BIJI = 0.40 SEN MIMIMUM 10 BIJI	\$4.00
18.	JAUL	1 MATA KAIL = 0.25 SEN MIMIMUM 12 MATA	\$3.00
19	RAWAI	1 MATA KAIL 0.25 SEN MIMIMUM 200 MATA	\$50.00

20. Berapa lama kah tempoh sah laku lesen bagi alat menangkap ikan yang dikenakan keatas Nelayan Komersial, Ikan Nelayan Kecil-kecilan Persendirian Dan Nelayan Kecil-kecilan Bersyarikat ?

Tempoh sahlaku lesen bagi alat menangkap ikan yang dikenakan keatas Nelayan Kecil-kecilan Persendirian dan Nelayan Kecil-kecilan Bersyarikat adalah akan mansuh **SETIAP 31 DISEMBER PADA TAHUN TERSEBUT.**

21. Apakah Kadar Bayaran Yuran bagi Lesen Ladang Ternakan Ikan, Lesen Memproses Ikan dan Lesen Menganjurkan Acara atau Kejohanan Sukan Memancing ?

BIL	JENIS-JENIS LESEN	KADAR BAYARAN	TEMPOH SAH LESEN
1.	LESEN LADANG TERNAKAN IKAN(KOLAM IKAN/UDANG, SANGKAR IKAN, PENETASAN IKAN/UDANG DAN SEMAIAN)	\$50.00	TEMPOH 1 TAHUN DARI TARIKH PENGELUARAN
2.	LESEN MEMPROSES IKAN	\$50.00	TEMPOH 1 TAHUN DARI TARIKH PENGELUARAN
3.	LESEN MENGANJURAN ACARA ATAU KEJOHANAN SUKAN MEMANCING	\$50.00	TEMPOH UNTUK SATU ANJURAN ATAU KEJOHANAN SAHAJA

Lesen Ladang Ternakan Ikan / Lesen Memproses Ikan dan Lain-lain

Fish Culture License / Fish Processing License and Others

- Bagi Lesen Ladang Ternakan Ikan terbahagi kepada tiga:-
 - Lesen Ladang Ternakan Ikan Dalam Sangkar
 - Lesen Ladang Ternakan Ikan Dalam Kolam/Tangki
 - Lesen Lesen Ternakan dalam Kolam bagi Aktiviti Memancing yang Dikenakan Bayaran
- Bagi Lesen Ladang Ternakan Ikan terbahagi kepada tiga:-
 - Lesen Ladang Memproses Ikan Dalam Bangunan
 - Lesen Ladang Memproses Ikan Dalam Vesel
 - Lesen Ladang Memproses Ikan (Tumbuhan Akuatik)
- Lesen untuk Mengadakan atau Menganjurkan Acara atau Kejohanan Penangkapan Ikan Rekreasi (Sport Fishing)
- Bagi permohonan Lesen Ladang Ternakan Ikan atau Pemprosesan, bolehlah suruh pemohon menghubungi **+673 2771453 (Seksyen Pelesenan, Jabatan Perikanan)**

SESI SOAL JAWAB

Q&A SESSION

TAMAT

END

TERIMA KASIH

THANK YOU